

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan



Ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan

Penggunaan swasta terus teguh bantu negara depani ketidaktentuan global

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Daya tahan ekonomi Malaysia dijangka kekal utuh meskipun berdepan persekitaran luaran yang lemah tahun ini, demikian kata penganalisis.

Penganalisis berpendapat, penggunaan swasta kekal teguh walaupun sektor berorientasi luaran menunjukkan tanda pertumbuhan perlahan.

Penganalisis CGSCIMB, Ivy Ng, berkata penilaian pihaknya mendapati persekitaran global

melemah dan melihat kemungkinan Amerika Syarikat (AS) berdepan kemelesetan ekonomi sederhana.

Beliau berkata, inflasi global sebahagian besarnya telah memuncak dan langkah seterusnya mengenai pengetatan monetari akan beralih ke arah berhenti seketika dan mungkin melonggarkan.

"Kita sudah melihat inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP) AS menurun, diterajui oleh kererosotan komponen tenaga walaupun inflasi perkhidmatan kekal di tengah pertumbuhan gaji yang tinggi secara berterusan.

"Kami melihat kemungkinan kemelesetan sederhana di AS dengan kemungkinan kadar dasar memuncak pada 5 peratus separuh pertama 2023," katanya dalam nota penyelidikannya.

Ng berkata, kejutan pembukaan semula sempadan China lebih awal boleh meningkatkan pertumbuhan global melangkaui jangkaan pihaknya dan membantu mengimbangi kelemahan individu boleh dilakukan untuk membantu menyokong penggunaan pada masa hadapan, meneruskan pengeluaran separa yang dilibat untuk sebahagian besar 2022.

Selain itu, katanya, penggunaan juga mungkin dirangsang sokongan tambahan daripada kemasukan pelancong China.

"Kami menganggarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal Malaysia boleh berkembang 0.3 peratus meskipun dengan anggaran konservatif kemasukan satu juta pelancong China pada 2023 (2019: 3.1 juta)."

Ivy Ng,
Penganalisis CGSCIMB

Kekal optimistik

Beliau berkata, pihaknya kekal optimistik terhadap daya tahan ekonomi Malaysia dalam berdepan kelemahan persekitaran luaran disokong penggunaan swasta yang dijangka kekal utuh.

Katanya, lebihan penjimatan yang ditunjukkan oleh baki kewangan dalam akaun semasa dan simpanan individu boleh membantu menyokong penggunaan pada masa hadapan, meneruskan pengeluaran separa yang dilibat untuk sebahagian besar 2022.

Selain itu, katanya, penggunaan juga mungkin dirangsang sokongan tambahan daripada kemasukan pelancong China.

"Kami menganggarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal Malaysia boleh berkembang 0.3 peratus meskipun dengan anggaran konservatif kemasukan satu juta pelancong China pada 2023 (2019: 3.1 juta)."

Beliau berkata, bagi 2023, pihaknya mengunjurkan deficit fiskal 5 peratus daripada KDNK, berbanding 5.5 peratus diunjurkan dalam anggaran awal kerajaan, di tengah keperluan untuk memperbaiki kedudukan hutang kerajaan.

"Kami mengharapkan penjimatatan daripada pengurangan perbelanjaan dan potensi hasil lebih tinggi daripada penggunaan yang lebih baik," katanya.

Mengenai pengenalan cukai baharu, Ng berkata, pihaknya berpendapat, sebarang pengumuman tidak mungkin berlaku kerana berpotensi menjelaskan atas pengundi menjelang pilihan raya negeri menjelang Jun 2023.